



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN  
JABATAN/AGENSI NEGERI KELANTAN TAHUN 2020**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Perkara 107 (1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107 (2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
  
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan

Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 29 Mac 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2020**

#### **3.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **3.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 bagi Negeri Kelantan telah menurun sejumlah RM95.87 juta

atau 18.9% menjadi RM411.51 juta berbanding RM507.38 juta pada tahun 2019.

- b. Kerajaan Negeri mencatat lebihan di Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM45.44 juta pada tahun 2020 berbanding lebihan berjumlah RM445.69 juta pada tahun 2019.
- c. Pada tahun 2020, Hutang Awam telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.03 juta (0.5%) menjadi RM819.17 juta tahun 2020 berbanding RM815.14 juta pada tahun 2019.

### **3.1.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- a. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- b. Berdasarkan pengauditan terhadap 21 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2020, satu penyata kewangan telah

diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 20 penyata kewangan Agensi masih belum disahkan sehingga 31 Ogos 2021.

### **3.1.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri**

Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam. Pada tahun 2020, sebanyak empat pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga Jabatan dan dua agensi negeri melibatkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Yayasan Islam Kelantan. Antara perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut :

**a. Perolehan Perkhidmatan Membersih dan Mencuci Bangunan Kompleks Mahkamah Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Negeri Kelantan**

- Bon pelaksanaan berjumlah RM5,490 tidak dikutip sehingga tamat tempoh kontrak; dan
- Bayaran penuh berjumlah RM219,600 telah dibuat bagi kontrak yang tidak dibekalkan dengan sempurna.

**b. Perolehan Secara Pembelian Terus Bagi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020 di Jabatan Perikanan Negeri Kelantan**

- Pecah kecil perolehan bekalan berjumlah RM120,307.

**c. Skim Pawah Ternakan Lembu di Bawah Perbelanjaan Pembangunan di Jabatan Veterinar Negeri Kelantan**

- Perjanjian di bawah Skim Pawah Ternakan Lembu Tahun 2015 belum diselesaikan berjumlah RM118,000.

**d. Perbelanjaan Akaun Amanah Wang Ehsan Negeri Kelantan Bagi Pembangunan Pendidikan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Yayasan Islam Kelantan**

- Bayaran kemajuan berjumlah RM789,928 dibayar sebelum dokumen kontrak ditandatangani.

4. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, 11 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara.

5. LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 29 Mac 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 29 Mac 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

29 Mac 2022

26 Syaaban 1443H